



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 30 OKTOBER 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	ROBOH JETI HARAM DAPAT JAMIN KESELAMATAN MAKANAN NEGARA, NASIONAL, BH, M/S 21	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	ROBOH PANGKALAN HARAM KAWAL SELUDUP TERNAKAN, SAYURAN, NEGARA, KOSMO, M/S 14	
3.	INITIATIVE HELPS CONSUMERS, SUPPORTS SMALL TRADERS, FARMERS, NEWS, STAR METRO, M/S 3	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4.	PENGUSAHA KOLAM MEMANCING RUGI RM100,000 AKIBAT BANJIR, DALAM NEGERI, UM, M/S 29	LAIN-LAIN
5.	DUSUN DURIAN BERSIH TARIK PERHATIAN, JADI TERAPI BEKAS POLIS, DALAM NEGERI, UM, M/S 28	
6.	BOT NELAYAN ASING DIJADIKAN TUKUN TIRUAN, TERENGGANU, HAKAH, M/S 15	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/10/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	21

Roboh jeti haram dapat jamin keselamatan makanan negara

Tindakan tegas di sempadan Malaysia, Thailand mampu kekang aktiviti penyeludupan

Kota Bharu: Tindakan merobohkan jeti haram di sempadan Malaysia-Thailand di Kelantan, membolehkan kerajaan mengawal dengan lebih berkesan kemasukan ternakan serta hasil pertanian dari negara jiran.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Isham Ishak, berkata usaha berkenaan, bukan sahaja menjamin keterjaminan makanan tetapi juga memastikan keselamatan makanan negara.

"Kerjasama antara KPKM, Polis Diraja Malaysia Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan agensi lain di bawah pendekatan menyeluruh kerajaan menunjukkan hasil positif dalam mengekang aktiviti penyeludupan.

"Pencerobohan serta aktiviti penyeludupan di pangkalan ha-

ram sepanjang sempadan Kelantan memberi ancaman besar terhadap biosekuriti makanan negara," katanya selepas menyempurnakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) 2024 di sini, semalam.

Risiko bawa penyakit

Isham berkata, lembu yang dibawa masuk secara tidak sah dari Thailand, berisiko membawa penyakit berbahaya seperti rabies yang boleh menjejaskan industri penternakan tempatan.

Bellau berkata, kemasukan ternakan tanpa kawalan itu, boleh mencetus ancaman biosekuriti makanan negara kerana penyakit yang dibawa haiwan berkenaan, berpotensi merebak dengan cepat dan menjejaskan penternakan tempatan.

"Banyak syarikat telah melabur jumlah besar bagi membangunkan ladang fidlot dan pusat pembiakbakaan lembu pedaging serta lembu tenusu di negara ini. Justeru, kita mahu melindungi industri ini daripada ancaman penyakit berpunca aktiviti penyeludupan," katanya.

Kelmarin, Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd Yusoff Mamat dilapor berkata kesemua 223 jeti haram termasuk jeti milik sendirian yang menjadi laluan



Isham (kiri) menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada Penolong Jurutera (Elektrik), Ahmad Aizat Faizal pada Majlis APC 2024 Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu di Tunjung, semalam. Turut hadir, Pengurus Besar KADA, Mohd Faizul Mustafa. (Foto BERNAMA)

kegiatan penyeludupan di sepanjang Sungai Golok, dijangka dirobuhkan sepenuhnya dalam tempoh dua bulan.

Mohd Yusoff berkata, projek itu menjadi langkah awal ke arah melaksanakan perubahan menyeluruh terhadap kawalan keselamatan di kawasan sempadan

Malaysia-Thailand, khususnya di Kelantan.

Dua lokasi pertama yang terabit dalam fasa awal perobohan ialah di Pangkalan Gergaji dan Pangkalan MCA di Rantau Panjang membabitkan jeti-jeti haram dibina di atas tanah kerajaan. BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/10/2025	KOSMO	NEGARA	14

Roboh pangkalan haram kawal seludup ternakan, sayuran

KOTA BHARU – Usaha pihak berkuasa merobohkan 223 pangkalan haram di sepanjang sempadan Kelantan-Thailand mampu mengawal kemasukan haiwan ternakan tanpa vaksin termasuk lembu dari negara jiran yang berisiko membawa penyakit berjangkit seperti rabies.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Isham Ishak berkata, kegiatan penyeludupan haiwan ternakan tanpa vaksinasi lengkap dikhuatiri boleh menimbulkan ancaman biosekuriti terhadap industri ternakan tempatan.

Menurutnya, tindakan merobohkan pangkalan haram dapat memperkukuh kawalan kemasukan ternakan dan sayuran.

sayuran melalui Kompleks Imigrasi, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) dipantau dengan lebih teratur.

"Thailand sudah isytihar mempunyai penyakit rabies. Jadi, binatang ternakan yang diseludup boleh menjadi ancaman biosekuriti makanan kerana penyakit boleh tersebar dan mengganggu ternakan kita yang lain," katanya pada sidang akhbar selepas Merasmikan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2024 Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu di sini semalam.

Mengulas lanjut, Isham berkata, banyak syarikat telah melancarkan jumlah pelaburan besar dalam membangunkan fidiot dan pusat pembiakan lembu daging termasuk lembu tenusu di negara ini.

Ujarnya, KPM akan terus melindungi industri tersebut daripada ancaman penyakit yang berpunca daripada kegiatan penyeludupan.

"Kerjasama daripada semua pihak yang teribat dengan kerja perobohan mampu memberi hasil positif kekal penyeludupan," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/10/2025	STAR METRO	NEWS	3

FRESH produce and essential kitchen staples remain the biggest draw at the state government's "Jualan Kasih Johor" programme (*Jualan Kasih*), says state agriculture, agro-based industry and rural committee chairman Datuk Zahari Sarip.

He said whole chicken, fish, eggs and cooking oil, followed by fresh vegetables, topped the list of most sought-after items during such programmes.

"These goods are the main focus of the programme, which is aimed at helping the rakyat cope with the rising cost of living.

"The initiative, introduced two years ago, focuses on items such as chicken, eggs, cooking oil, vegetables, fruits and basic groceries, which are household necessities," he told *StarMetro*.

He explained that while the Federal Government's "Jalan Rahmah Madani" programme (JRM) was a nationwide initiative under Domestic Trade and Cost of Living Ministry, *Jualan Kasih* was a fully state-led effort involving local producers and communities.

"The state programme prioritises local producers, farmers and small traders through partnerships with state assemblymen offices, Federal Agricultural Marketing Authority (Fama), local councils and state agencies," he added.

Launched in 2023 as "Bazar Rakyat Agro Johor", the initiative was rebranded as "*Jualan Kasih Johor*" last year, with over 500 events recorded state-wide, Zahari elaborated.

"To date, the state has allocated over RM26mil for the initiative.

Initiative helps consumers, supports small traders, farmers



Zahari (second from right) and Johor Agriculture Department director Yosri Mohd (right) visiting a fruit stall at 'Jualan Kasih Johor'. — Courtesy photo

"We have been receiving positive feedback from people as the programme offers discounts of up to RM6 per kilogramme on selected goods.

"Among the most popular offerings is the 'Kombo Kasih' set, comprising one whole chicken, a tray of eggs and a two-litre bottle of cooking oil at just RM15," he said.

Zahari said the programme was usually held in all 56 state constituencies during major festive periods such as Hari Raya Aidilfitri, Chinese New Year and Deepavali.

However, beginning last September, it was extended to a monthly event in every consti-

tuency, taking place during the second week of each month.

"The idea is to make affordable goods easily accessible by bringing the sales directly into neighbourhoods, community halls and houses of worship.

"Not only does the initiative help consumers, it also supports small traders and farmers by giving them direct market access," he highlighted.

Zahari said Johor planned to expand *Jualan Kasih* to more locations, increase the participation of local entrepreneurs and boost youth involvement in the essential goods sector.

"Our ultimate goal is to ensure no Johor citizen feels

burdened when buying basic necessities, while keeping the local economy vibrant," he said.

Meanwhile, consumers can also look forward to an enhanced JRM, which offers consumers discounts of 10% to 30%.

In July, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim announced that the government would double the initiative's allocation from RM300mil to RM600mil.

He said the funding would increase the frequency and expand JRM to include all 600 state assembly constituencies nationwide to help the people with cost of living. — By YEE XIANG YUN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/10/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Pengusaha kolam memancing rugi RM100,000 akibat banjir

PENDANG: Seorang pengusaha kolam memancing di Titi Haji Idris, di sini mendakwa kerugian RM100,000 apabila 12 kolam ikan keli yang diusahakan dinaiki air ketika banjir melanda daerah ini, sejak Sabtu lepas.

Pemilik premis, Mohd. Nazri Jamaluddin berkata, insiden itu bukan kali pertama namun merupakan yang terburuk apabila air menggenangi kolam tersebut setelah 10,000 tan ikan keli dilepaskan beberapa hari sebelum kejadian.

“Tiap-tiap tahun memang kawasan ini akan dinaiki air tetapi kerugian berlaku kerana saya baru sahaja melepaskan 10,000 tan ikan keli untuk satu pertandingan pada 2 November ini.

“Apabila banjir surut saya perlu melepaskan 10,000 tan lagi ikan untuk menambah bekalan yang sedia ada sebagai persediaan kerana saya tahu ikan yang ada itu tentu sudah berpindah dari satu kolam ke kolam yang lain. Jadi saya perlu bersikap adil kepada peserta,” katanya di sini semalam.

Menurut Mohd. Nazri, pihaknya kerugian lebih banyak pada tahun lepas apabila ikan keli tersebut termasuk yang diternaknya di kawasan berdekatan terlepas ketika banjir yang



SEORANG pekerja kolam memancing melihat kawasan kolam yang masih digenangi air akibat banjir sejak Sabtu lalu di Titi Haji Idris, Pendang, Kedah. - UTUSAN/ JAMLIAH ABDULLAH

sama di daerah ini.

“Untuk mengatasi masalah ini saya membina sangkar dan jaring di sekeliling kolam supaya jika berlaku banjir ikan tidak melompat keluar dari kolam.

“Insiden terbaharu ini juga mengakibatkan saya terpaksa menunda pertandingan memancing itu kepada 15 November depan,” katanya.

Sementara itu, setakat pukul

12 tengah hari semalam, seramai 764 mangsa di seluruh Kedah masih berada di lima pusat pemindahan sementara (PPS) dengan Pendang merekodkan 580 mangsa daripada 162 keluarga.

Antara kawasan terjejas di Pendang ialah Kampung Titi Teras; Kampung Banggol Besi; Kampung Alor Beral; Kampung Banggol Keling; Kampung Alor Ali dan Kampung Lubok Gajah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/10/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28

Dusun durian bersih tarik perhatian, jadi terapi bekas polis

PASIR SALAK: Tibanya musim durian setiap tahun menjadi rutin buat seorang bekas anggota polis untuk bermalam di pondok kecil di dusunnya di Kampung Bandor Lama, Batu Hitam, Kampung Gajah di sini.

Pemilik dusun berkenaan, Ahmad @ Shuhaimi Abdullah, 67, bersama isterinya Ida Idris, menjadikan kawasan dusun durian seluas dua ekar itu bukan sekadar tempat menunggu buah luruh sebaliknya sebagai lokasi santai yang bersih, tenang dan mendamaikan.

Berbeza dengan kebanyakan dusun yang dipenuhi semak-samun, kawasan milik pasangan itu tersusun rapi, bersih dan menarik perhatian sesiapa sahaja yang melaluinya.

Malah, pondok kecil di tengah dusun menjadi tarikan baharu kepada penggemar durian yang ingin menikmati suasana kampung sebenar.

"Sejak bersara pada 2015, saya hiduipkan semula dusun peninggalan orang tua ini. Saya bersihkan, tanam pokok durian secara teratur dan dirikan pondok kecil



AHMAD @ Shuhaimi Abdullah bersama Ida di pondok kecil dalam dusun mereka di Kampung Bandor Lama, Batu Hitam, Kampung Gajah, Pasir Salak, Perak. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

untuk berehat serta menunaikan terapi. Saya sukakan suasana solat selepas mengutip durian," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurut Shuhaimi, aktiviti menguruskan dusun itu bukan sahaja mengisi masa lapang, malah menjadi terapi yang menyihatkan tubuh badan.

"Sebelum ini kawasan ini semak dan tidak terurus. Sekarang, saya jadikan ia tempat rehat dan

bersih, sebab itu setiap hari saya pastikan kawasan ini kemas," ujarnya.

Menariknya, Shuhaimi tidak lokek menjamu tetamu yang singgah di dusunnya.

Sama ada kenalan lama mahupun orang yang tidak dikenali, semua dialu-alukan menikmati durian secara percuma.

Bot nelayan asing dijadikan tukun tiruan

Oleh **NOR HAZWANI NOH**

BESUT: Bot nelayan asing Vietnam yang dirampas selepas mencerooh perairan negara bakal 'ditukar' menjadi tukun tiruan di perairan Terengganu dalam usaha memulihara sumber marin serta memberi manfaat kepada nelayan tempatan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi Negeri, Dato' Dr Azman Ibrahim berkata, kaedah pelupusan secara mampan itu dilakukan selepas bot-bot berkenaan dilucut hak oleh mahkamah.

Menurut beliau, proses berkenaan bukan sahaja tidak membabitkan kos kepada kerajaan, malah mampu menjana hasil tambahan melalui tender yang ditawarkan kepada kontraktor pelaksana.

"Kerajaan tidak perlu mengeluarkan apa-apa kos untuk proses pelupusan ini,



Bot nelayan asing Vietnam yang dirampas selepas mencerooh perairan negara akan ditenggelamkan dan dijadikan tukun di beberapa kawasan strategik termasuk di Pulau Rhu, Besut.

malah dapat hasil dari proses tender.

"Kontraktor akan menanggalkan enjin dan semua komponen lain dan hasil jualan komponen ini lebih dari mencukupi untuk menampung kos pelupusan. Lebihan hasil jualan akan diserahkan balik sebagai hasil kerajaan," katanya.

Beliau menyatakan, bot-bot yang telah dilucut hak itu

akan ditenggelamkan di beberapa kawasan strategik termasuk di Pulau Rhu, Besut, selepas melalui proses penyediaan rapi bagi memastikan ia benar-benar selamat untuk dijadikan tukun.

"Badan bot yang kosong akan diisi dengan batu dan pasir sebagai pemberat. Lubang besar turut dibuat untuk memastikan bot tenggelam sepenuhnya pada ke-

dalaman kira-kira 16 meter. Silakan kalau nak timbulkan balik dan bawa lari," ujarnya sambil berseloroh.

Mengulas lanjut, beliau berkata, langkah itu dijalankan dengan mengambil kira aspek keselamatan dan kelestarian alam sekitar.

"Semua enjin dan minyak telah dikeluarkan terlebih dahulu, jadi tiada risiko pencemaran laut," tambah beliau.

Beliau juga berkata, lokasi penenggelaman ditentukan oleh Institut Sumber Marin Asia Tenggara (ISMAT) selepas kajian terperinci dibuat bagi memastikan ia tidak mengganggu laluan pelayaran atau struktur dasar laut seperti paip minyak dan gas.

Dalam masa sama, beliau turut mengucapkan terima kasih kepada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Terengganu atas usaha berterusan memelihara kedaulatan perairan negara daripada pencerobohan nelayan asing.

"Penenggelaman bot-bot ini sebagai tukun tiruan adalah simbolik kepada ketegasan dan balasan yang setimpal kepada penceroboh.

"Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada APMM Terengganu yang terus komited mengawal laut Terengganu dari anasir asing yang merosakkan dan mencuri khazanah hasil laut kita," katanya.